

13 DEC 1997

Sidang Kemuncak-Previu

SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR SERLAHKAN SAMBUTAN ULANGTAHUN ASEAN

Oleh: Tham Choy Lin

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Di tengah-tengah krisis kewangan serantau, pemimpin negara-negara Asia Timur mula tiba di ibu negara bagi menghadiri perhimpunan pertama Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Asean) ke-30.

Para pegawai terus optimistik terhadap sidang kemuncak tidak rasmi pertama itu bagi sembilan negara Asean dan China, Jepun dan Korea Selatan yang akan bermula Isnin ini walaupun dilanda kesuraman.

"Sidang Kemuncak Asean Campur 3 itu berpotensi menjadi acara serantau paling penting bagi 1997. Pemimpin-pemimpin politik dan ekonomi yang paling berkuasa di Asia akan menduduki meja yang sama dengan para pemimpin Asean untuk membincangkan mengenai masa depan dan peranan yang mereka mahukan," kata seorang diplomat Asean.

"Buat pertama kalinya, ekonomi negara-negara Asia Timur akan dibincangkan secara eksklusif oleh pemimpin-pemimpinnya sendiri, tanpa kehadiran orang luar. Berdasarkan suasana sekarang yang berpunca daripada masalah mata wang, sidang kemuncak itu telah diberikan kepentingan bertambah, ia adalah penting dan satu kemuncak didalamnya," katanya.

Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto dan Perdana Menteri Korea Selatan Koh Kun akan menyertai para pemimpin Asean pada meja persidangan itu.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Korea Selatan, Thailand dan Indonesia telah diberi bantuan kewangan berpuluh bilion dolar oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Kecuali pemimpin Indonesia Presiden Suharto, yang membatalkan kunjungannya ke sini atas nasihat doktor, para pemimpin Asean yang lain akan bertemu pada sidang kemuncak tidak rasmi kedua mereka, yang dikenali sebagai "Sidang Kemuncak Ulangtahun" pada pagi Isnin ini sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Asean Campur 3 pada tengah hari.

Tumpuan akan diberikan kepada pengerusi sidang kemuncak itu dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Jepun Ryutaro Hashimoto, yang dijangka mengumumkan program bantuan termasuk pinjaman mudah kepada negara-negara Asean yang dilanda krisis mata wang.

Dr Mahathir, yang lantang mengkritik sistem sedia ada dan mencadangkan peraturan urusan mata wang, telah berkata bahawa Malaysia menyambut baik tawaran pinjaman mudah Jepun itu tetapi ia juga berminat untuk mengetahui syarat-syarat yang akan dikenakan.

"Tetapi masalah asasnya ialah sama ada nilai mata wang akan terus jatuh. Jika ia terus jatuh, hutang banyak mana pun tidak akan selesai masalah," kata beliau sekembalinya dari Tehran semalam.

(Dr Mahathir berada di Tehran bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Iran, buat pertama kalinya, menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu.)

Jepun ialah pelabur asing terbesar di Asia Tenggara dan juga merupakan rakan dagang Asean yang terbesar. Perdagangan Asean-Jepun berjumlah AS\$116.5 bilion pada tahun lepas.

Para pegawai berkata Jepun juga dijangka tetap dengan keputusan yang dicapai di Manila bulan lepas berhubung tabung kemudahan yang berkaitan dengan IMF bagi menstabilkan krisis mata wang itu.

Sidang Kemuncak Asean Campur 3 itu juga dilihat sebagai "de facto" Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), yang diilhamkan oleh Malaysia pada

1990 tetapi kurang mendapat sokongan Jepun berikutan tekanan Amerika Syarikat kerana pertubuhan itu tidak melibatkan Washington.

"Tidak mengapa jika secara rasminya ia tidak dikenali sebagai EAEC tetapi tujuan mengadakan kerjasama sedemikian kini semakin menjadi kenyataan," kata seorang pemerhati.

Adalah lebih penting bagi negara-negara Asia Timur mempunyai satu platform untuk membincang dan membentuk, jika tidak mengambil, pendirian bersama demi kebaikan mereka juga, katanya.

Kehadiran Presiden Jiang, yang melawat Amerika baru-baru ini, akan menjadi bukti kepada cita-cita Beijing untuk memainkan peranan strategik di rantau itu.

Satu lagi agenda penting bagi para pemimpin itu ialah untuk memeriksa prospek Asia Timur dalam abad 21.

Para pemimpin Asean pula akan menandatangani peta Wawasan 2020 Asean yang menjadi carta arah hala politik dan ekonomi pertubuhan itu selepas Kawasan Perdagangan Bebas Asean dilaksanakan menjelang 2003.

Mereka juga akan meneruskan perbincangan program Lembangan Mekong, yang dicadangkan Asean, untuk membangunkan semenanjung Indo-China itu walaupun keadaan ekonomi kini lembab.

Hubungan Asia-Eropah juga akan diperbincangkan berikutan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London pada April depan.

Halangan utama ialah bantahan Eropah terhadap kehadiran Myanmar, yang menyertai Asean tahun ini, pada mesyuarat itu.

Asean mengadakan sidang kemuncak tidak rasmi yang pertama di Jakarta pada tahun lepas. Pertubuhan itu mengadakan sidang kemuncak rasminya setiap tiga tahun sekali dan Vietnam dijadualkan menjadi tuan rumah sidang kemuncak berikutnya pada tahun depan. -- BERNAMA

TCL NAK